

Laporan Kes

**KES MAL BIL. 1065/98
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

**Di Hadapan
Tuan Hakim Mohamad bin Haji Abdullah
3 April 2000**

Shaheila bt Haji Abdul Majid
lawan
Roslan b. Abdul Aziz

Abstract: Muslim Family law – Application for ta'liq divorce – Husband leaved house – Failed to provide maintenance to wife – Husband beat wife – Muslim Family Law Act (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, section 50.

Dalam kes ini Plaintiff telah membuat permohonan cerai ta'liq di bawah seksyen 50 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 atas alasan pihak Defendant telah meninggalkan rumah dan gagal memberikan nafkah kepada Plaintiff semenjak 4 April 1998. Pihak Defendant juga pernah memukul Plaintiff sehingga mengakibatkan kecederaan pada tubuh badan Plaintiff. Plaintiff turut memohon agar kos tindakan ditanggung oleh Defendant dan apa-apa perintah dan relief yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah.

Pihak Defendant kemudiannya telah mengemukakan tawaran perdamaian terhadap Plaintiff tetapi telah ditolak oleh Plaintiff kerana Plaintiff tidak lagi reda dan bersedia untuk meneruskan perkahwinan.

Diputuskan:

Mahkamah telah membenarkan permohonan Plaintiff untuk mensabitkan ta'liq yang telah dilafazkan oleh Defendan setelah berpuashati dengan fakta-fakta yang dikemukakan oleh pihak Plaintiff bahawa pihak Defendan pernah memukul Plaintiff dan meninggalkan Plaintiff tanpa menyediakan nafkah. Mahkamah telah mensabitkan talak ta'liq secara khulu' kali pertama berjumlah satu talak setelah Plaintiff membayar RM1.00 kepada Mahkamah yang menerima bagi pihak Defendan. Mahkamah juga memutuskan kos tindakan ditanggung oleh Defendan.

Peguam:

- | | |
|------------------|---|
| Wakil Plaintiff: | 1. Zulkifli b. Che Yong
2. Azmi b. Dato' Dr. Rais
3. Haji Sulaiman b. Haji Abdullah |
| Wakil Defendan: | 1. Fakhrul Azman b. Abu Hassan
2. Haji Amlie b. Haji Embong |

Ulasan Kehakiman

Plaintif Puan Shaheila bt Hj. Abdul Majid memohon kepada Mahkamah ini suatu perintah dibawah seksyen 50, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Dalam Penyata Tuntutan Pindaan, Plaintiff memohon kepada Mahkamah yang mulia ini memerintahkan seperti berikut:

1. Mahkamah mensabitkan ta'liq yang telah dilafazkan oleh Defendan,
2. Kos ditanggung oleh Defendan,
3. Apa-apa perintah dan relief yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah.

Defendan, Roslan b. Abdul Aziz dalam pembelaan menyatakan ada memukul Plaintiff dan pukulan tersebut tidak keterlaluan dan juga tidak bertubi-tubi seperti yang didakwa oleh Plaintiff. Defendan menyatakan dalam pembelaannya bahawa pukulan itu adalah satu tindakan yang munasabah dan lazim dilakukan oleh seorang suami dan seorang bapa yang mahu mendidik isterinya agar tidak bertindak kurang sopan terhadap suami.

Selanjutnya Defendan dalam pembelaannya menyatakan: "Ini adalah kejadian pertama saya memukul isteri saya sehingga mencederakan beliau". Defendan juga menyatakan: "Saya menafikan sekeras-sekerasnya dakwaan bahawa saya tidak pernah menyediakan rumah kelamin, nafkah atau apa-apa harta sebagai sandaran kepada Plaintiff.

Plaintif tinggal di alamat 32, Jalan Balau, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur. Defendan tinggal di alamat No. 174, Lorong 8, Dato' Keramat, 54000 Kuala Lumpur.

Shaheila bt. Haji Abdul Majid lawan Roslan b. Abdul Aziz

Plaintif dan Defendan bernikah pada 14/2/1989 bersamaan 8 Rejab 1409H di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pernikahan ini didaftarkan di Pejabat Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Wilayah Persekutuan dengan bilangan daftar 484/1989. Oleh itu saya berpuas hati Mahkamah ini berbidangkuasa membicarakan dan memutuskan kes ini di bawah s.4 dan s.45 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Pernikahan pasangan ini dikurniakan cahaya mata seramai dua orang. Mereka ialah Wan Nur Khaleda Aziz bt. Roslan dan Megat Abdul Majid Aziz b. Roslan. Pasangan ini belum pernah bercerai sebelum ini.

Selepas akad nikah, Defendan ada melafaz ta'liq talak berbunyi:

“Saya mengaku apabila saya tinggalkan isteri saya Shaheila bt. Abdul Majid selama 4 bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan dan saya atau wakil saya tiada memberi nafkah kepadanya selama tempoh masa yang tersebut padahal ia taatkan saya atau saya melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya kemudian ia mengadu kepada Mahkamah Syariah dan apabila sabit aduannya di sisi Mahkamah Syariah dan ia memberi kepada Mahkamah Syariah RM1.00 maka pada ketika itu tertalaq ia dengan cara talak khulu”.

Kes ini adalah kes permohonan cerai ta'liq. Ta'liq talak diberi takrif:

من صح منه الطلاق صح أن يعلقه على صفة أو شرط ،

فإذا علق الطلاق على شرط وقع عند وجود الشرط

Maksudnya:

“Sesiapa yang sah daripadanya melakukan talak, sah ia melakukan ta'liq talak atas sifat atau syarat, maka apabila ia menta'liqkan talak atas syarat, sabit jatuh satu talak ketika wujud syarat itu.”

(Al-Sheikh Muḥammad Amin al-Kurdī dalam kitabnya *Tanwīr al-Qulūb* 1377H, halaman 362)

Dalam kes yang dibicarakan ini Defendan ada melakukan ta'liq talak atas dua syarat pilihan:

Syarat pertama : Defendan meninggalkan isterinya (Plaintif) selama 4 bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan dan Defendan atau wakil Defendan tiada memberi nafkah kepada Plaintiff selama tempoh masa yang tersebut padahal Plaintiff taatkan Defendan.

atau **syarat kedua** : Defendan melakukan sebarang mudarat kepada tubuh

badan Plaintiff.

- Syarat ketiga** : Plaintiff mengadu kepada Mahkamah Syariah.
- Syarat keempat** : Apabila sabit aduan Plaintiff di sisi Mahkamah Syariah.
- Syarat kelima** : Plaintiff memberi kepada Mahkamah Syariah yang menerima bagi pihak Defendan RM1.00.

Berkaitan syarat pertama iaitu perbuatan meninggalkan isteri saya dapati bahawa Defendan telah meninggalkan Plaintiff di rumah kelamin mereka iaitu No. 32, Jalan Balau Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur. Perkara ini diakui oleh Defendan dalam keterangannya dan dibuktikan oleh saksi-saksi Plaintiff.

Tarikh Defendan meninggalkan Plaintiff adalah pada 4 April 1998 hingga sekarang ini. Defendan meninggalkan Plaintiff adalah dengan sengaja. Defendan atau wakil Defendan tidak memberi nafkah kepada Plaintiff sejak tarikh tersebut hingga sekarang ini. Ini juga diakui oleh Defendan dan keterangan saksi-saksi Plaintiff. Defendan ada membuat dakwaan bahawa Plaintiff nusyuz kepadanya. Maka ia tidak mahu memberi nafkah kepada Plaintiff. Tapi dakwaan Defendan tidak dibuktikan. Plaintiff mohon kepada Mahkamah ini untuk melafaz sumpah bahawa ia sentiasa taat kepada Defendan disebabkan Defendan gagal mengemukakan saksi-saksi atas tuduhannya itu. Saya memberi izin kepada Plaintiff melafaz sumpah syarie taat kepada Defendan. Plaintiff melafaz sumpah syarie dalam Mahkamah ini menyatakan ia sentiasa taat kepada Defendan. Oleh itu, saya menolak permohonan Defendan berkaitan dakwaan nusyuz Plaintiff ke atas Defendan. Oleh itu, saya berpuashati bahawa Plaintiff sentiasa taat kepada Defendan dan Defendan wajib memberi nafkah kepada Plaintiff.

Syarat pilihan kedua ialah melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badan Plaintiff. Defendan menafikan tentang dakwaan melakukan mudarat kepada tubuh badan Plaintiff pada 4/4/1998. Plaintiff telah mengemukakan saksi-saksinya yang melihat kesan-kesan kecederaan pada tubuh badan Plaintiff. Plaintiff mengemukakan surat perubatan, laporan polis serta gambar-gambar kecederaan pada Plaintiff. Peristiwa Plaintiff cedera adalah pada 4/4/1998. Tidak ada saksi-saksi Plaintiff yang melihat Defendan memukul Plaintiff pada tarikh tersebut. Oleh itu, Plaintiff hendak membuktikan atas jalan Perintah sahaja iaitu tompokan darah di lantai rumah dan surat-surat perubatan berhubung kecederaan pada tubuh badan.

Dalam kes *Abdul Hanif lawan Rabiah* (Jun 1997/Safar 1418H), [53 JH (2) 11, 77] Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan dalam penghakimannya ada menyebutkan:

“.....tidaklah munasabah memerlukan seorang isteri yang mendakwa ia dipukul oleh suaminya mengadakan saksi-saksi seperti itu, kerana

Shaheila bt. Haji Abdul Majid lawan Roslan b. Abdul Aziz

mustahil seorang suami apabila memukul isterinya akan memanggil dua orang saksi lelaki atau dua orang saksi perempuan dan seorang saksi lelaki untuk menyaksikan pukulan itu. Dalam perkara seperti itu tidak perlu keterangan diberi sebagai shahādah, dan memadai ia diberi sebagai bayyinah dan qarīnah.”

Dalam kes yang dibicarakan ini Plaintiff mengemukakan saksi-saksinya iaitu Datin Shahidah bt. Abdul Majid (SP1) adalah saudara perempuan kepada Plaintiff. SP1 memberitahu kepada Mahkamah bahawa ada melihat kesan darah dekat pintu rumah kelamin Plaintiff dengan Defendan dan kecederaan berupa bengkak dan muka lebam pada Plaintiff. Saksi kedua Plaintiff (SP2) Shahrin b. Abdul Majid adalah saudara lelaki kepada Plaintiff menyatakan ada melihat Plaintiff dan Defendan bergaduh dan nampak kesan-kesan lebam pada Plaintiff tetapi saksi ini (SP2) menyatakan ia tidak nampak Defendan memukul Plaintiff. SP2 ini menyatakan dia yang membawa Plaintiff membuat laporan ke Balai Polis dan pemeriksaan perubatan. SP2 ini memberitahu Mahkamah bahawa dia yang menenangkan Defendan ketika Plaintiff dan Defendan masih bergaduh.

SP3 bernama Shahid b. Abdul Majid adalah saudara lelaki kepada Plaintiff menyatakan ada melihat kesan-kesan kecederaan pada tubuh Plaintiff.

SP4 bernama Mohamed Shahreza b. Abdul Majid juga saudara lelaki kepada Plaintiff juga menyatakan ada nampak kesan-kesan lebam pada pipi Plaintiff. SP5 bernama Nik Ahmed Feizal-Din b. Nik Mohd. Sidek adalah anak saudara kepada Plaintiff memberitahu kepada Mahkamah bahawa ada melihat darah pada mulut Plaintiff dan darah itu belum kering dan ia bersama Plaintiff membuat laporan polis dan pemeriksaan perubatan.

Saksi-saksi Plaintiff keseluruhannya tidak melihat pukulan daripada Defendan ke atas tubuh badan Plaintiff. Saksi-saksi Plaintiff juga menyatakan Defendan keluar daripada rumah kelamin sejak peristiwa kecederaan pada Plaintiff (4/4/1998) dan tidak pulang-pulang hingga sekarang ini. Saksi-saksi Plaintiff juga mengesahkan Defendan tidak memberi nafkah kepada Plaintiff sejak 4/4/1998 hingga sekarang ini.

Oleh itu, saya berpuashati bahawa keterangan saksi-saksi Plaintiff adalah sebagai *bayyinah* dan *qarīnah* sahaja pada perkara kecederaan pada Plaintiff. Keterangan Plaintiff dan saksi-saksi itu memberi kepuasan kepada hati saya menyatakan wujud pukulan atau perlakuan mudarat oleh Defendan ke atas Plaintiff pada 4/4/1998 dan perlakuan Defendan meninggalkan Plaintiff tanpa nafkah diri oleh Defendan atau wakil Defendan kepada Plaintiff mulai 4/4/1998 iaitu lebih 4 bulan Hijrah sedangkan Plaintiff sentiasa taat kepada Defendan. Saya juga berpuashati bahawa Plaintiff mengaku kepada Mahkamah ini dengan menghadiri perbicaraan di hadapan saya dalam tempoh yang agak lama. Oleh itu saya mensabitkan aduan Plaintiff di sisi Mahkamah ini.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada wakil-wakil kedua-dua pihak kerana bertungkus lumus dalam perbicaraan kes ini, walaupun kadang-kadang menimbulkan keadaan kurang menyenangkan dan menyulitkan. Juga tidak ketinggalan kepada para wartawan dari pelbagai agensi yang memberi liputan meluas dalam akhbar tempatan dengan penuh semangat profesionalisme dalam kewartawanan. Oleh itu, saya mensabitkan ta'liq talak Defendan dan kes ini disabitkan.

HUKUMAN

1. Saya menghukum sabit jatuh talak kali pertama berjumlah satu talak oleh Defendan terhadap Plaintiff mulai hari ini 3/4/2000 bersamaan 28 Zulhijjah 1420H.
2. Kos dibayar oleh Defendan.
3. Plaintiff membayar RM1.00 kepada saya pada hari ini maka sabit talak khulu' terhadap Plaintiff.

t.t.

(MOHAMAD BIN HAJI ABDULLAH)

Hakim

Mahkamah Rendah Syariah

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tarikh : 3 April 2000
Jam : 9.50 pagi

Nota : Keputusan kes ini telah dirayu diperingkat Mahkamah Tinggi dan masih dalam proses rayuan.

Laporan Kes

**KES MAL BIL. 05/99
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN**

Di Hadapan

**Yang Ariff Tuan Haji Mohammad Naim bin Haji Mokhtar
2hb Ogos 1999**

Shamsudin bin Mustafa
lawan
Ros Anita binti Mustapha Kamil

Abstract: Claim for Harta Sepencarian – Application for Harta Sepencarian. Islamic Law Enactmen (State of Selangor) 1984, section 58.

Conflict of Jurisdiction – Whether Civil Court of United Kingdom - utterance of talaq that has been confirmed by Islamic law Enactment (Selangor) 1984, section 58, section 4. The Administration of Matrimonial Proceeding and Family Act 1954, Law Reform (Marriage and Divorce) 1976, section 76.

Di dalam kes ini Pihak Menuntut (Plaintif) dan Pihak Kena Tuntut (Defendant) telah bercerai di Negeri Selangor mengikut pengakuan cerai yang masih dalam proses disahkan di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, Selangor melalui kes Mal 1342-09-26/99 bertarikh 11hb Mei 1999 yang mensabitkan jatuh talak satu pada 18hb Mac 1999. Dalam masa menunggu keputusan perbicaraan tersebut Pihak Yang Menuntut telah mengemukakan tuntutan Harta Sepencarian di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya ke atas:

- i) Sebuah rumah flat di 5 Islet Park House, Islet Park Maidenhead Berkshire England dianggarkan bernilai RM2.2 juta.
- ii) Sebuah kereta Roll Royce Corniche dengan anggaran Nilai RM150,000.
- iii) Sebuah Fiat Panda dianggarkan nilainya RM3,000.
- iv) Sebuah kereta BMW dianggarkan bernilai RM50,000.
- v) Sebuah jam poket dianggarkan bernilai RM15,000.
- vi) Set peralatan rumah dianggarkan bernilai RM15,000.

Kes ini kemudian disebut dan ditangguh beberapa kali untuk menunggu keputusan kes perceraian oleh Pihak Yang Menuntut yang dibuat di mahkamah yang sama.

Pihak Yang Kena Tuntut telah mengemukakan persoalan bidang kuasa mahkamah semasa tuntutan Harta Sepencarian dibuat oleh Pihak Yang Menuntut memandangkan kedua-dua pihak menetap di England, United Kingdom.

Diputuskan:

Mahkamah menerima permohonan ke atas tuntutan Harta Sepencarian oleh Pihak Yang Menuntut kerana mahkamah mempunyai bidangkuasa atas alasan Yang Menuntut dan Pihak Yang Kena Tuntut telah berkahwin dan bercerai di Negeri Selangor. Tambahan pula, undang-undang Inggeris di United Kingdom iaitu Matrimonial Proceeding and Family Act 1954 tidak terpakai dalam kes ini. Ini memandangkan domisil Plaintiff adalah di Negeri Selangor berdasarkan seksyen 4 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 1954 yang jelas berdasarkan ‘factum’ dan ‘animus’ Plaintiff tetap kekal dengan keterikatan domisil asalnya iaitu negeri Selangor.

Kes Rujukan:

1. *Noh bin Atan v. Shakila binti Mohammed*

Peguam:

Wan Mohd Nazri bin Wan Hassan bagi pihak Plaintiff dari Tetuan Nazri & Nazri Nor Azmi binti Baharom bagi pihak Defendan dari Tetuan Kamar Ainiah, Razif & Co.

Pihak yang bertikai telah berkahwin pada 1hb Jun 1997. Keterangan mengenai perceraian yang dikemukakan pada masa permohonan itu didengar ialah surat perakuan cerai yang dikeluarkan oleh Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk orang Islam di Petaling Jaya, Selangor. Mengikut surat itu Plaintiff pada masa itu tinggal di No. 22, Jalan SS 18/4F, Subang Jaya, Selangor dan Defendan pada masa itu tinggal di No. 18, Jalan Silat 11/3, Shah Alam, Selangor. Tarikh perceraian itu

disebut ialah pada 18hb Mac 1999 dan tempat perceraian ialah di luar Mahkamah iaitu di No. 52, Tingkat 3, Bangunan YPEIM, Jalan Kg Attap, Kuala Lumpur. Bilangan talaq disebut sebagai “*satu kali pertama*” dan dilafazkan ke atas Defendan tanpa kehadirannya. Perceraian adalah dalam keadaan suci dan tidak disebut mengenai nafkah dalam eddah, mutaah atau ‘penyelesaian harta’. Sungguhpun tarikh perceraian itu diberi sebagai 18hb Mac 1999, ia hanya didaftar pada 5hb Julai 1999.

Pada 20hb April 1999 Plaintiff telah menfaiklkan *Notis Permohonan Ex-Parte* di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya dan seterusnya memperolehi Perintah Sementara Mahkamah yang antara lain menghalang Defendan daripada menfaiklkan apa-apa permohonan berkaitan perceraian dan tuntutan selepas perceraian di Mahkamah United Kingdom. Selain daripada itu, Mahkamah juga menghalang Defendan daripada mencederakan dan membuat tindakan ganas terhadap diri Plaintiff.

Walau bagaimanapun Perintah Sementara tersebut hanya sah dan berkuatkuasa sehingga penyelesaian kes Mal 1342-09-26/99 iaitu kes permohonan pengesahan cerai yang diselesaikan pada 11hb Mei 1999. Justeru selepas tarikh tersebut Plaintiff sekali lagi terdedah kepada pelbagai ancaman daripada Defendan yang mungkin membawa kecederaan kepada Plaintiff dan Plaintiff juga akan terdedah kepada risiko Defendan mengheret Plaintiff ke Mahkamah di United Kingdom untuk tuntutan nafkah dan segala tuntutan selepas perceraian. Ini memandangkan Defendan adalah seorang yang bijak dan memahami *waqi'* dan kelebihan undang-undang di United Kingdom untuk agenda peribadinya sendiri.

Ketegangan rumahtangga kedua-dua pihak bermula pada September 1997, di mana Plaintiff telah dikasari dan dicederakan oleh Defendan secara fizikal dalam beberapa insiden. Defendan adalah seorang wanita yang berkemampuan untuk mencederakan Plaintiff dan ini pernah Defendan lakukan pada 13hb Mac 1999 dalam satu pertelaganan di rumah kelamin mereka di No. 5 Islet Park Maidenhead, SL6 8LE. Dalam kejadian itu semasa berlaku satu pertelingkahan, Plaintiff secara tiba-tiba ditumbuk oleh Defendan dibahagian kanan kepala Plaintiff yang menyebabkan Plaintiff terpaksa membuat aduan di Thames Forest Police (Domestic Violence Unit) dan mendapatkan rawatan perubatan daripada Dr. Catherine M. Hutchings.

Keberanian Defendan mengasari Plaintiff secara fizikal memandangkan Plaintiff memilih untuk tidak melawan balik atau membalas provokasi fizikal yang dilakukannya bagi mengelakkan Defendan membuat laporan penderaan terhadap diri Plaintiff di United Kingdom. Pendirian Plaintiff dimanipulasikan sepenuhnya oleh Defendan dengan bertindak kasar terhadap tubuh badan Plaintiff. Keadaan makin tegang semenjak 31hb Mac 1999 apabila Defendan menyedari Plaintiff

telahpun mendahului Defendan dengan menfailkan permohonan pengesahan cerai di Malaysia. Hasrat Defendan untuk bercerai di Mahkamah Keluarga di United Kingdom telah terhalang oleh langkah segera Plaintiff mendahului Defendan mengemukakan pengesahan cerai di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya serta dengan memperolehi Perintah Sementara menghalang Defendan menfailkan apa-apa prosiding di Mahkamah United Kingdom.

Plaintif bekerja sebagai akauntan di Syarikat Sumitomo Sitix Europe PLC 33 Cavendish Square London WIM 9HF United Kingdom. Semenjak perkahwinan mereka, Plaintiff dan Defendan telah tinggal di rumah kelamin di No. 5, Islet Park House, Islet Park Maidenhead SL6 8LE. Bersama mereka juga tinggal tiga orang anak tiri Plaintiff iaitu anak-anak daripada perkahwinan Defendan yang terdahulu. Nama anak-anak tersebut ialah Nadia Mohamed Zaman, Aidi Johari Mohamed Zaman dan Azril Shah Mohamed Zaman.

Defendan tanpa mengambil kira telah diceraikan oleh Plaintiff telah memutuskan untuk terus menetap di United Kingdom dan akan terus dengan penuh kedegilan tinggal di rumah kelamin tersebut. Dan Defendan amat sedar sekiranya beliau membawa persoalan perceraian, persoalan nafkah, persoalan harta sepencarian dan lain-lain tuntutan ke Mahkamah United Kingdom tuntutannya itu akan diputuskan mengikut undang-undang di sana.

Mengikut Undang-undang Inggeris, meskipun Plaintiff telahpun menceraikan Defendan, beliau tetap memperolehi nafkah (alimony) daripada Plaintiff untuk tempoh yang tidak ditetapkan meskipun Plaintiff bukan lagi suaminya. Begitu juga dengan anak-anak tiri Plaintiff, jika Defendan membawa ke Mahkamah Inggeris Plaintiff akan dipaksa untuk menanggung nafkah anak-anak tiri yang bukan darah dagingnya dan yang juga merupakan tanggungjawab Mohamed Zaman yang masih hidup dan tinggal di Malaysia.

Berkaitan Harta Sepencarian, Mahkamah Inggeris akan memberikan bahagian yang lebih kepada Defendan meskipun rumah kelamin tersebut adalah dibeli oleh Plaintiff sepenuhnya. Jika ini terjadi maka Plaintiff akan tertakluk kepada perintah-perintah yang amat jelas keterlaluan bertentangan dengan hukum Syarak dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 1984 (EUKINS). Apa yang cuba dilaksanakan oleh Defendan adalah memanfaatkan dirinya sendiri dan jika ianya terjadi peruntukan undang-undang di United Kingdom adalah mengatasi peruntukan hukum syarak dan undang-undang syariah di Malaysia. Bahkan satu krisis perundungan akan tercetus di antara Institusi Kehakiman Sivil di United Kingdom dan Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia.

Defendan mampu dan telahpun menyusun langkah untuk menfailkan tuntutannya di United Kingdom. Defendan telahpun melantik peguamnya sendiri di United Kingdom iaitu Tetuan Frances Lindsay & Co. yang beralamat di 25, High

Shamsudin bin Mustafa lawan Ros Anita binti Mustapha Kamil

Street, Maidenhead Berks SL6 1JG DX 6420 Maidenhead. Plaintiff telah menerima surat daripada Tetuan Frances Lindsay & Co bertarikh 19hb Februari 1999 yang mengancam Plaintiff dengan tindakan Mahkamah di United Kingdom. Pada 21hb April 1999 iaitu satu hari selepas sebutan kes di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, peguam Plaintiff di England, Tetuan Miles Preston & Co menerima sepucuk surat yang menerangkan antara lain rumah kelamin mereka di England telah dikaveat (caution) mengikut Matrimonial Home Act Caution. Kesanggupan Defendan pergi sejauh itu menakutkan Plaintiff.

Plaintif dan Defendan adalah warganegara Malaysia yang berasal dari Selangor dan hanya bermastautin di United Kingdom. Justeru itu domisil hatta bidangkuasa yang sesuai ke atas sebuah perkahwinan berlandaskan syariat Islam yang diakadkan di Negeri Selangor adalah terletak keseluruhannya di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah di Negeri Selangor Malaysia dan tidak sama sekali di United Kingdom. Dalam keadaan Defendan berjaya membawa kes di Mahkamah United Kingdom maka segala perundangan yang akan digunakan untuk memutuskan kes mereka adalah Matrimonial Proceeding and Family Act 1954 dan lain-lain undang-undang Sivil yang bukan bersumberkan Syariat Islam dan juga yang merupakan ibadah diputuskan secara sivil dan tatacara yang terkeluar dari landasan Islam. Jika itu berlaku tiada keadilan, tiada kebenaran dan tiada jaminan keputusan mahkamah United Kingdom itu tidak tergelincir dan terbabas daripada syariat Islam.

Lantaran Plaintiff sekali lagi memohon perintah deklarasi untuk mengelakkan ‘malapetaka perundangan’ sedemikian daripada berlaku ke atas diri Plaintiff dan Defendan. Bahkan permohonan Plaintiff ini adalah bertujuan untuk memastikan keluhuran Undang-undang Syariat Islam yang didukung oleh institusi Mahkamah Syariah mengikut Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan Negeri Selangor ditegakkan ke atas cubaan Defendan yang berniat dan bertindak membawa masuk Mahkamah Inggeris untuk menakluki keluhuran Mahkamah Syariah Negeri Selangor.

Setelah proses perbicaraan selama beberapa bulan, Plaintiff dan Defendan telah bersetuju untuk menyelesaikan segala tuntutan selepas perceraian dan segala permasalahan berkaitan perceraian kedua belah pihak berdasarkan persetujuan perjanjian bersama yang ditandatangani pada 28hb Mei 1999.

Antara keputusan-keputusan yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

HARTA SEPENCARIAN

- 1.1 Kedua-dua pihak bersetuju bahawa satu-satunya harta sepencarian yang diiktiraf oleh kedua-dua pihak yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan adalah sebuah Flat yang dikenali sebagai 5, Islet Park House, Islet Park Maidenhead, SL6 8LE.
- 1.2 Sebagai penyelesaian kepada hak sepencariannya, Plaintiff bersetuju membayar kepada Defendan sejumlah 15,000 pound sterling sebagai penyelesaian mutlak kepada hak Harta Sepencarian Defendan ke atas Flat tersebut. Dengan itu selepas dari tarikh perjanjian ini tiada lagi apa-apa tuntutan di atas apa-apa asas sekalipun boleh dituntut terhadap Plaintiff dan Defendan di mana-mana bidangkuasa Mahkamah sekalipun.
- 1.3 Defendan dan anak-anak tersebut hendaklah keluar daripada Flat tersebut pada 5hb Jun 1999.
- 1.4 Defendan seterusnya berakuanji pada bila-bila masa sebelum keluar daripada Flat tersebut tidak akan merosakkan mana-mana bahagian daripada struktur Flat tersebut dan juga berakuanji tidak melakukan apa-apa kerosakan terhadap segala peralatan rumah yang terdapat di dalamnya.
- 1.5 Adalah menjadi akuanji Defendan semasa keluar daripada Flat tersebut hanya mengambil dan membawa barang yang dibeli olehnya secara peribadi, set barang yang dihadiahkan dan/atau dibenarkan oleh Defendan sahaja.
- 1.6 Defendan juga hendaklah menggugurkan apa-apa halangan dan sekatan yang dikenakan terhadap kepentingan dan kebebasan hak milik Flat tersebut melalui Matrimonial Home Act Caution atau apa-apa peruntukan sekatan kepentingan di bawah mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa di United Kingdom.

MUTAAH

- 2.1 Plaintiff bersetuju memperuntukkan mutaah kepada Defendan sebagai mutaah dan saguhati daripada pihaknya, pihak Defendan bersetuju menerima jumlah bayaran sebagaimana dalam penyelesaian harta sepencarian sebagai penyelesaian mutlak yang mengikat kedua pihak dan Defendan tidak lagi berhak mengemukakan tuntutan mutaah di mana-mana Mahkamah berkaitan perkara ini.

- 2.2 Adalah turut dipersetujui Plaintiff menyerahkan kereta BMW dengan nombor pendaftaran L 516 KDP sebagai sebahagian daripada bayaran mutaah dan dengan itu Plaintiff melepaskan keseluruhan haknya ke atas kereta tersebut.

NAFKAH

- 3.1 Plaintiff telah bersetuju memperuntukkan nafkah eddah kepada Defendan dan Defendan memperakui bayaran nafkah eddah telah dijelaskan oleh Plaintiff melalui pembayaran ansuran berjumlah RM450 bagi setiap pembayaran pada 11hb Mac 1999, 16hb Mac 1999, 25hb Mac 1999, 30hb Mac 1999, 8hb April 1999, 13hb April 1999 dan 23hb April 1999 dan jumlah keseluruhan nafkah eddah yang telah dibayar oleh Plaintiff adalah RM3,150.
- 3.2 Defendan turut bersetuju bahawa Plaintiff tidak pernah pada bila-bila masa semasa tempoh perkahwinan gagal, enggan atau tidak memberikan nafkah sara hidup kepada Defendan.
- 3.3 Akibat daripada perceraian tersebut kedua-dua pihak bersetuju bahawa tanggungjawab Plaintiff menyediakan nafkah sara hidup kepada anak-anak tersebut turut terhenti dan tiada lagi tuntutan untuk nafkah anak-anak tersebut boleh dituntut oleh mana-mana pihak terhadap Plaintiff dalam mana-mana mahkamah di Malaysia dan di United Kingdom.

Kedua-dua pihak bersetuju perjanjian ini tertakluk kepada Doktrin *Res Judicata*.